

MAHEPA UMS, penghargaan kepada pencapaian pelajar dan alumni

UB 02.07.2024 P.03

KOTA KINABALU: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) komited memberikan sokongan dan dorongan dalam pelbagai aspek pencapaian pelajar dan alumni yang sentiasa menjadi kebanggaan kita.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Ts. Mustapha Sakmud berkata ia termasuklah penglibatan dan pencapaian pelajar yang mengangkat martabat serta menyumbang kepada kecermerlangan universiti.

Katanya, pengiktirafan itu penting sebagai penyuntik semangat kepada para pelajar untuk terus menabur bakti dalam memperkasa visi dan misi universiti dan KPT.

“KPT komited memberi-

kan sokongan dan dorongan dalam pelbagai aspek pencapaian pelajar dan alumni yang sentiasa menjadi kebanggaan kita.

“Justeru, menjadi tanggungjawab universiti untuk menyediakan platform bagi generasi muda meneroka bidang ilmu, menggilap bakat dan potensi serta menerapkan nilai murni demi menyediakan pemimpin masa hadapan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Anugerah Pelajar dan Alumni (MAHEPA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) kali ke-25, baru-baru ini.

Mustapha berkata mahasiswa perlu mempunyai daya intelektual yang baik serta



TAHNIAH: Mustapha menyampaikan Anugerah Kepimpinan Kesenian dan Kebudayaan kategori Berkumpulan, Kelab Kesenian dan Kebudayaan Taming Emas UMSKAL.

cakna dengan keadaan semasa agar keputusan yang diambil tidak menggugat keharmonian persekitaran.

“Ilmu yang ada perlu setara dengan adabnya. Ini akan mencerminkan mahasiswa yang berwibawa, kompeten

dan holistik,” katanya.

Tambah beliau, KPT mengangkat agenda pemerkasaan mahasiswa sebagai salah satu

agenda utama.

Terdahulu, Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr. Kasim Mansor berkata MAHEPA kali ke-25 mempertandingkan 22 anugerah yang terbahagi kepada 13 anugerah individu dan sembilan anugerah berkumpulan.

“Anugerah tersebut meliputi enam kluster seperti kepimpinan pelajar; pembangunan sosial; pembangunan akademik dan intelektual; kesukarelawan; kluster khas individu dan berkumpulan.

“Selain anugerah yang dipertandingkan, MAHEPA turut memberi penghargaan kepada alumni serta pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan

aktiviti pelajar dan alumni,” ujarnya.

MAHEPA kali ke-25 turut menyaksikan graduan orang kurang upaya, Hidayat Abdul Latif (Alumni UMS) menerima Anugerah Pencapaian Terbaik kategori Penghargaan Khas atas pencapaian beliau dalam pelbagai pertandingan sukan di peringkat universiti dan kebangsaan.

Hidayat pernah meraih pingat emas kategori berkumpulan dan pingat perak kategori beregu di Para SUKMA XX MSN pada tahun 2022, serta memenangi pingat perak kategori beregu dan individu di Para SUKMA XIX Perak pada tahun 2018.